


**SULIT**



## **UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

### **PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER II SESI 2011/2012**

|                    |   |   |
|--------------------|---|---|
| NAMA KURSUS        | : | PENGURUSAN KOKURIKULUM  |
| KOD KURSUS         | : | BBE 3112  |
| PROGRAM            | : | SARJANA MUDA PENDIDIKAN<br>TEKNIK DAN VOKASIONAL                  |
| TARIKH PEPERIKSAAN | : | JUN 2012  |
| JANGKA MASA        | : | 2 JAM   |
| ARAHAN             | : | JAWAB EMPAT SOALAN SAHAJA<br>DARI ENAM SOALAN YANG<br>DISEDIAKAN. |

**KERTAS SOALANINI MENGANDUNGI TIGA (3) MUKA SURAT**

**SULIT**

- S1 (a) Nyatakan maksud kokurikulum. (3 markah)
- (b) Huraikan matlamat pelaksanaan kokurikulum di sekolah. (10 markah)
- (c) Ramai pelajar kelas peperiksaan berpendapat kegiatan kokurikulum sebagai aktiviti yang kurang berfaedah dan membazirkan masa. Bincangkan punca-punca itu ini berlaku? (12 markah)
- S2 (a) Mesyuarat adalah salah satu saluran komunikasi yang amat penting dalam dunia pengurusan. Senaraikan tujuan mesyuarat diadakan. (5 markah)
- (b) Daripada setiap mesyuarat yang diadakan, berikan satu contoh yang jelas bagaimana tujuan dapat dicapai? (10 markah)
- (c) Mesyuarat merupakan forum bagi membincangkan dan menyelesaikan masalah, membuat keputusan di samping untuk mengetahui dan merancang sesuatu kegiatan. Tuliskan minit Mesyuarat Jawatankuasa Persatuan Sains Pertanian, dalam membincangkan lawatan ke Taman Organik Zhenxin. (10 markah)
- S3 (a) Pihak yang mengelolakan pertandingan perlulah mengenalpasti dan mendapatkan maklumat tertentu untuk memudahkan perancangan dan persediaan. Apakah perkara-perkara yang perlu diberi perhatian oleh pihak pengelola dalam merancang sesuatu pertandingan? (9 markah)
- (b) Terdapat banyak jenis dan bentuk pertandingan yang boleh digunakan dalam sesuatu kejohanan. Jelaskan dua daripada sistem pertandingan berikut:
- (i) Pertandingan berbentuk perlawanan.
  - (ii) Pertandingan liga.
  - (iii) Pertandingan kalah mati.
  - (iv) Cabar-mencabar.
- (16 markah)

- S4** Pelaksanaan aktiviti kokurikulum merangkumi proses penyeliaan, penilaian dan pelaporan aktiviti kokurikulum.
- a) Nyatakan lima perkara yang harus diselia dalam pelaksanaan aktiviti kokurikulum. (5 markah)
  - b) Berikan tiga tujuan pelaporan aktiviti kokurikulum. (6 markah)
  - c) Terangkan kepentingan penilaian aktiviti kokurikulum kepada pelajar dan juga guru penasihat. (14 markah)
- S5** Kertas kerja merupakan satu perancangan bagi aktiviti yang bakal dilakukan oleh kelab ataupun persatuan. Tuliskan satu kertas kerja bagi mengadakan Program Perkhemahan Tahunan Unit-Unit Beruniform Sekolah Menengah Padang Kota, di Sembrong Agro-Tourism Zone, Kluang, Johor pada 27- 29 Julai 2012. (25 markah)
- S6** Amirul merupakan seorang pelajar yang aktif dalam kokurikulum. Dia memegang jawatan sebagai Ketua Pengawas, Pengerusi Kelab Badminton dan setiausaha bagi Unit Koperasi Sekolah. Dia juga merupakan seorang pemimpin yang berdedikasi dan berkarisma. Pada pendapat anda, sejauhmanakah kebenaran kenyataan bahawa kokurikulum memupuk kepimpinan di kalangan pelajar. Berikan ulasan anda. (25 markah)